

KUALITI

JULAI - DISEMBER 2025

AUDIT PENSIJILAN SEMULA ISO 9001:2015

Skop Audit: Pengurusan Korporat Universiti Awam

MAJLIS KEMUNCAK BULAN INOVASI DAN KUALITI 2025

Ledakan Kreativiti

1ST VIRTUAL INTERNATIONAL CONFERENCE ON QUALITY AND INNOVATION IN HIGHER EDUCATION (ViQHE)

*Enhancing Quality and Innovation for a
Sustainable Higher Education Ecosystem*



eISSN 2976-2596



9772976259003

INSTITUT KUALITI DAN PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)

BENGGEL PEMUKTAMADAN OBJEKTIF KUALITI UiTM 2026-2030

Disediakan oleh: Ts. Syed Harun Said Mohd

Pada 26 November 2025, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Bengkel Pemuktamadan Objektif Kualiti UiTM 2026-2030 sebagai usaha berterusan memperkukuh agenda kualiti universiti. Bengkel ini merupakan kesinambungan kepada sesi bengkel terdahulu bagi memuktamadkan objektif strategik yang telah dibangunkan, agar selari dengan Visi, Misi, Objektif dan Falsafah UiTM yang baharu dilancarkan pada 13 November 2025.

Bengkel ini telah menghimpunkan Penolong Naib Canselor MASMED, Pengarah (Pembangunan Akademik), Pengarah (Bahagian Hal Ehwal Kurikulum), Pengarah, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran Strategik ICAN, JAnA, JPI, Jabatan Pembangunan dan wakil-wakil daripada Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat secara langsung dalam penyediaan dan penyelarasan objektif kualiti universiti. Kehadiran wakil PTJ daripada pelbagai sektor akademik dan pengurusan turut menyumbang kepada perbincangan yang lebih menyeluruh dan inklusif.

Sesi dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBrs. Prof. Dr Haslinda Yusoff, Penolong Naib Canselor InQKA, yang menekankan kepentingan penyelarasan objektif kualiti dengan aspirasi baharu UiTM, khususnya dalam menghadapi fasa perancangan strategik 2026-2030. Beliau turut menegaskan bahawa setiap objektif yang digubal perlu mencerminkan komitmen UiTM terhadap kecemerlangan akademik, tadbir urus berintegriti dan penyampaian perkhidmatan yang berimpak tinggi.

Bengkel diteruskan dengan sesi pengemaskinian objektif kualiti mengikut PTJ yang terlibat. Setiap PTJ membentangkan cadangan akhir objektif mereka, termasuk penambahbaikan berdasarkan maklum balas bengkel terdahulu. Perbincangan dilaksanakan secara kolaboratif bagi memastikan objektif yang dirangka bukan sahaja relevan, tetapi juga boleh dicapai, diukur dan memberi nilai tambah kepada keseluruhan ekosistem universiti.

Penganjuran bengkel ini mencerminkan usaha proaktif InQKA UiTM dalam memastikan dokumen Objektif Kualiti UiTM 2026-2030 dibangunkan secara sistematik, berpandukan aspirasi institusi dan keperluan semasa pendidikan tinggi. Hasil daripada bengkel ini dijangka menjadi asas kukuh dalam pelaksanaan agenda kualiti UiTM pada tahun-tahun mendatang.



HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

2026 KUALITI

ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam, Selangor

e-ISSN: 2976-2596



UiTM *di hati*  لومها تقوى موليا